

KENYATAAN MEDIA



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP
No. 13 Persiaran Perdana, Presint 2,
62623 Putrajaya

No. Telefon : 03-8882 5562
No. Fax : 03-8882 5569

FOOD BANK MALAYSIA MENGALU-ALUKAN SUMBANGAN DARIPADA SYARIKAT TAMIN BAGI MEMBANTU MANGSA BANJIR

PUTRAJAYA, 22 DISEMBER 2022 – Food Bank Malaysia di bawah kelolaan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) hari ini menerima sumbangan barangan makanan asas daripada Syarikat Tamin Sdn Bhd bagi membantu mangsa banjir yang terjejas di kawasan-kawasan terlibat terutamanya di negeri Kelantan, Terengganu, Pahang, Perak dan Johor.

2. Syarikat Tamin merupakan sebuah syarikat tempatan yang berjaya yang mengeluarkan barangan makanan berasaskan kicap. Syarikat Tamin sentiasa tampil ke hadapan bagi membantu mereka yang memerlukan khususnya golongan B40. KPDN mewakili Food Bank Malaysia amat berbesar hati menerima sumbangan ini untuk disalurkan kepada mangsa yang terkesan akibat banjir.

3. Tuan Abdul Talib bin Abdul Rahman selaku Ketua Pegawai Eksekutif Syarikat Tamin Sdn Bhd telah menyerahkan sendiri sumbangan ini kepada YB Datuk Salahuddin bin Ayub selaku menteri KPDN yang mewakili Food Bank Malaysia. Syarikat Tamin telah menyumbangkan sebanyak 1 tan barang makanan asas yang dianggarkan bernilai RM 7,300.00 bagi peringkat pertama ini dan akan melakukan penghantaran sumbangan seterusnya secara berperingkat.

4. Sumbangan ini kemudiannya akan diselaraskan oleh Sekretariat Food Bank Malaysia sebelum diedarkan kepada Pejabat KPDN Negeri sebelum diserahkan kepada mangsa banjir yang terlibat. Rakan Strategik Program Food Bank serta NGO yang

berkenaan akan turut serta dalam pengagihan sumbangan ini untuk dihantar terus ke Pusat Pemindahan Sementara (PPS) di kawasan yang terlibat.

5. Kementerian mengucapkan terima kasih kepada Syarikat Tamin dan amat mengalu-alukan sumbangan dari syarikat-syarikat, organisasi-organisasi dan orang perseorangan sebagai sebahagian dari tanggungjawab sosial korporat dalam membantu golongan yang memerlukan khususnya mangsa bencana alam seperti tanah runtuh dan banjir.

6. Untuk sebarang pertanyaan lanjut, pihak pemain industri dan orang ramai boleh menghubungi **Sekretariat Program Food Bank Malaysia di talian hotline 03-88825860/6960** atau melalui emel kepada sekretariatfoodbank@kpdnhep.gov.my

YB Datuk Seri Salahuddin bin Ayub

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup

Putrajaya, 22 Disember 2022

###

LATAR BELAKANG

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) yang kini dikenali sebagai Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) telah ditubuhkan pada 27 Oktober 1990. Matlamat penubuhan Kementerian adalah untuk menggalakkan pembangunan perdagangan dalam negeri yang berdaya maju, berdaya saing, dan berdaya mampan, khususnya di dalam sektor perdagangan pengedaran.

Sektor perdagangan pengedaran adalah antara penyumbang utama KDNK negara dan ia bertindak sebagai benteng kestabilan ekonomi, terutama semasa situasi ekonomi luaran berada di dalam keadaan ketidaktentuan. Perdagangan pengedaran perlu kukuh bagi menampas sebarang ketidakstabilan dalam ekonomi negara.

Dalam masa yang sama, Kementerian juga komited dalam melindungi kepentingan dan hak-hak pengguna. Ini termasuk membangunkan ekosistem pengguna dan peniaga yang bersifat melengkap dan ke arah *self-regulated*, seiring dengan aspirasi ke arah masyarakat negara maju. Ia diharapkan akan melahirkan pengguna dan peniaga yang matang dan beretika dalam berurusanniaga, dan hasilnya adalah negara yang seimbang dari segi ekonomi dan sosial.

Agensi di bawah KPDN:

